

Muraqabah - Allah mengawasi kita semua

TOKOH sufi, Abu Nasr al-Sarraj al-Tusi (Al-Sarraj) mengklasifikasikan bilangan maqam sufi sebanyak tujuh kesemuanya. Ruangan ini sebelum ini membincangkan mengenai maqam reda iaitu yang ketujuh dan terakhir. Ini bermakna ruangan ini berjaya menamatkan perbincangan tentang maqam-maqam dalam ilmu tasawuf dan akan mula berbicara mengenai *al-Ahwal* dalam ilmu berkenaan.

Al-Ahwal

- Sesuatu yang diperoleh oleh salik (seseorang yang berjalan pada jalan kerohanian) hasil daripada *mawhibah mina Allah* (pemberian daripada Allah).

Maqam

- Sesuatu yang dicapai oleh salik hasil daripada pelbagai usaha *mujahadah* dan *riyadat* (latihan kerohanian).
- Ditakrifkan juga sebagai sesuatu yang perolehannya bersifat *muktasabah* (sesuatu yang diperoleh hasil daripada usaha).

Maka, *ahwal* golongan sufi adalah suatu pemberian dan kurniaan Allah kepada hamba-Nya, bukannya suatu dapatan hasil daripada kerja keras

bicara tasawuf

Oleh PROFESOR DATUK ZAKARIA STAPA
Penyandang Kursi Sheikh Abdullah Fahim, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia



seseorang hamba melaksanakan segala suruhan Allah dan meninggalkan larangan-Nya.

KLASIFIKASI AHWAL

- Menurut al-Sarraj, terdapat 10 *ahwal* kesemuanya yang dimulakan dengan *al-Muraqabah* (pengawasan). Ia merujuk seorang salik tahu dan yakin bahawa Allah sentiasa melihat segala apa yang ada dalam hati nuraninya.

- Hamba berkenaan sentiasa mengawasi pelbagai lintasan hati tercela yang boleh menyebabkan hatinya menjadi sibuk sehingga lupa untuk mengingati Tuhannya.

- Abu Sulaiman al-Darani mengatakan, bagaimana mungkin tersembunyi daripada penglihatan Allah akan apa-apa

yang terdapat dalam hati-hati manusia, sedangkan semua yang terdapat dalam hati tersebut Allah yang mencampakkan ke dalamnya. Justeru, apakah mungkin tersembunyi kepada-Nya apa yang asalnya datang daripada-Nya?

- Al-Qushayri dalam *al-Risalah al-Qushayriyyah* mencatatkan bahawa *muraqabah* itu merujuk kepada keadaan seseorang hamba yang mengetahui atau memiliki ilmu bahawa Allah melihatnya, mengawasi segala gerak-nya, mendengar tutur katanya.

- Justeru al-Qushayri mencatatkan beberapa penjelasan sufi tentang *muraqabah*, antaranya: Tanda *muraqabah* tersebut ialah bahawa seseorang mementingkan perkara yang diutamakan oleh Allah, membesarkan perkara yang dibesarkan oleh Allah serta memperkecil perkara yang diperkecil oleh Allah

- Al-Jurjani dalam kitab beliau *al-Ta'rifat* menjelaskan bahawa *muraqabah* merujuk kepada pemilikan ilmu seseorang hamba yang berterusan tentang Allah sentiasa melihatnya dalam semua keadaan.

Dalam konteks *muraqabah* ini, golongan sufi mempunyai

sandaran yang kukuh kepada ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW. Ini jelas daripada firman-firman dan sabda Rasulullah SAW berikut:

- "Dan Allah Maha Mengawasi segala sesuatu." (al-Ahzab, 52)

- "Apakah mereka tidak mengetahui bahawa Allah mengetahui rahsia dan bisikan hati mereka, dan bahawasanya Allah Maha Mengetahui segala yang ghaib." (al-Taubah, 78)

- Sabda Rasulullah SAW: "Beribadlah kepada Allah seakan-akan engkau melihat-Nya, dan jika engkau tidak melihat-Nya, maka sesungguhnya Dia melihat engkau."

PENGHAYATAN MURAQABAH

Golongan sufi membahagikan penghayatan hamba terhadap *muraqabah* kepada tiga kategori berikut:

1 Merujuk kepada golongan hamba Allah yang memiliki keyakinan bahawa Allah melihat dan mengetahui isi kandungan hati nuraninya.

- Keyakinan ini melahirkan satu hal dalam diri hamba berkenaan, sehingga tidak muncul dalam dirinya pemikiran tidak baik dan was-was syaitan.

- Sentiasa melihat Allah

hadir dan memerhati dirinya pada setiap tempat, justeru amat jarang sekali dia menjadi tawanan hawa nafsu dirinya.

- *Muraqabah* peringkat permulaan, iaitu sebagaimana tertera dalam ungkapan al-Hasan b. 'Ali al-Damighani: "Hendaklah kamu menjaga segala rahsia hati, kerana Dia (Allah) sentiasa melihat hati nurani manusia."

2 Golongan salik yang lupa dalam seluruhnya sewaktu menghayati pengalaman *muraqabah*.

- Berterusan dalam keadaan sedemikian sehingga tidak terlintas sesuatu pun dalam benak fikiran kecuali Allah semata-mata.

- Suasana ini ialah sebagaimana terkandung dalam ungkapan seorang sufi bernama Ahmad b. 'Ata': "Sebaik-baik kamu ialah orang yang menghayati *muraqabah* terhadap Allah bersama Allah sendiri, iaitu dalam keadaan fana' terhadap perkara yang selain Allah. Dan mengikuti Nabi SAW dalam semua perbuatan, akhlak serta adab Baginda."

3 Tiada lagi hijab (tabir atau dinding pemisah) antara diri mereka dengan Allah dan mereka telah benar-benar tenggelam sepenuhnya dalam penghayatan *muraqabah*.

- Mereka menghayati hal *muraqabah* terhadap Allah dan mereka memohon supaya Allah menjaga mereka dalam penghayatan *muraqabah*, iaitu dalam pengertian bahawa Allah, dengan segala kehebatan dan kelebihan-Nya, mengurus serta menjaga urusan mereka.

- Ini adalah selaras dengan firman Allah dalam ayat 196 Surah al-Araf yang bermaksud: "... dan Dialah pua yang menolong dan memelihara orang soleh".

Dengan penjelasan-penjelasan di atas menunjukkan bahawa penghayatan hal *muraqabah* boleh mengesahkan bahawa golongan salik akan menghayati kehidupan hantaran mereka dalam keadaan yang benar-benar selaras dengan kehendak syariat Allah.

Ini kerana mereka merasakan Allah sentiasa mengawasi dan mengetahui segala perbuatan mereka zahir dan batin.



HAMBA Allah yang sentiasa bersujud kepada-Nya, hidupnya sentiasa mendapat rahmat daripada-Nya. GAMBAR HIASAN